



JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN DAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
 No. 192, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis
 TEL : 04-9762188 FAKS : 04-9766052

BORANG PERMOHONAN TAPAK JUALAN BAZAR RAMADAN 1447H / 2026M

TANDAKAN LOKASI BAZAR YANG DIPOHON

BAZAR RAMADAN KUALA PARLIS
TAPAK PASAR SEHARI / MALAM KUALA PERLIS

JUMLAH TAPAK YANG DIPOHON

(Terhad kepada EMPAT (4) lot sahaja bagi satu permohonan)

MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama Pemohon

2. No. Kad Pengenalan

3. No. Telefon (terkini)

4. Alamat Surat-Menyurat

5. Kad Suntikan TY2 (**wajib**)
*Sila sertakan salinan

Tarikh Suntikan		Tarikh Luput	
-----------------	--	--------------	--

6. Sijil Kursus Pengendali Makanan (**wajib**)
*Sila sertakan salinan

Tarikh Kursus	
---------------	--

2 keping gambar pemohon

JENIS JUALAN

Sila nyatakan Jenis Jualan :
(contoh : Lauk-pauk/Kuih-muih /minuman/Air tebu/Kelapa/Jus Buah).

SENARAI PEMBANTU (WARGANEGARA MALAYSIA SAHAJA)

Bil	Nama	Tarikh Suntikan Pelalian Ty2	Tarikh Kursus Pengendalian Makanan

* Sila sertakan **SALINAN** kad suntikan pelalian Ty2 dan sijil Kursus Pengendali Makanan

Salinan Nota Perlindungan Pendaftaran Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO

*** (Sertakan Nota Perlindungan SELEPAS pemohon berjaya mendapatkan Lot Niaga dengan bayaran). ***

Bil	No rujukan Nota Perlindungan	Inisiatif	Tempoh Perlindungan

* sebarang pertanyaan berkenaan **SKSPS** tuan/puan sila berhubung dengan pejabat **PERKESO** yang terdekat atau hubungi **04-976 7100**.

7. Kadar Permit Penjaja yang dikenakan adalah seperti berikut :-

Kadar Permit bagi lot niaga di **Bazar Ramadan Taman Kemajuan, Arau dan Kuala Perlis.**

	Jenis permit	Kadar permit
1	Bayaran Lot Makanan dan Minuman / Bakar	RM 300.00 sebulan
2	Bayaran Lot Air Tebu / Air Kelapa / Air Jus Buah	RM 330.00 sebulan

TARIKH BORANG KELUAR : 21 JANUARI 2026

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 3 FEBUARI 2026

**BAYARAN PROSES
RM 30.00**

PERAKUAN PEMOHON :-

1. Saya mengaku dan faham bahawa segala maklumat di atas adalah benar dan pihak Majlis berhak **membatalkan** operasi perniagaan saya pada bila-bila masa jika didapati maklumat di atas adalah tidak benar.
2. Saya faham **tiada apa-apa ganti rugi** yang boleh dituntut oleh pihak saya berdasarkan pembatalan operasi perniagaan berkenaan dan saya juga faham tiada sebarang tuntutan akan dibuat terhadap Majlis bahawasanya jikalau berlaku sebarang kemalangan/kehilangan barangan semasa saya dan pembantu-pembantu sepanjang tempoh bagi permit ini.
3. Saya juga faham akan tanggungjawab dalam memastikan kebersihan sekeliling tempat niaga, kebersihan diri serta peralatan perniagaan **sebelum, semasa dan selepas** aktiviti perniagaan dijalankan.

Tarikh : _____

Tandatangan Pemohon
(_____)



Tandatangan Saksi
(Bagi pihak Majlis)

***SYARAT-SYARAT HENDAKLAH DISIMPAN OLEH PESERTA,**

Bagi "Perakuan Pemohon" hendaklah dikembalikan kepada Pihak Majlis.

***PERINGATAN : Sila kembalikan borang yang telah lengkap ke Pejabat MPK atau Pejabat Cawangan MPK dimana tapak dipohon.**

KEGUNAAN PEJABAT

1. Nama Pemohon : _____

2. No. Resit Bayaran : _____ Tarikh terima borang : ____/____/2026

3. No Tapak Diluluskan : _____
(Setelah Undian Dijalankan)

Tarikh : _____

Tandatangan Pegawai Penerima

JADUAL TARIKH DAN MASA SESI CABUT UNDI BAGI TAPAK BAZAR RAMADAN SELIAAN MPKANGAR 2026.

KEPADA PENIAGA-PENIAGA SILA BERI PERHATIAN KEPADA JADUAL DIBAWAH :

TAPAK BAZAR RAMADAN KUALA PERLIS. (TAPAK PASAR SEHARI / MALAM KUALA PERLIS)					
BIL	TARIKH	MASA	LOKASI TAPAK	CATATAN	NO. TEL PEJABAT
2.	10 FEBRUARI 2026 (SELASA)	9.00 pagi	<p>Tapak Pasar Sehari/Malam Kuala Perlis</p> <p>Sesi pengundian tapak dijalankan di <i>Bilik Mesyuarat Pejabat Cawangan Kuala Perlis, Kuala Perlis.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> - Dikendalikan oleh Pejabat MPKPs Cawangan Kuala Perlis. - Taklimat oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pelesenan, Pegawai Kesihatan daripada BKKM, Jabatan Agama Islam Perlis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Perlis (KPDNHEP) & SWCORP. 	<p>Pejabat Cawangan MPKPs Kuala Perlis</p> <p>04-9851876</p>
<ul style="list-style-type: none"> - Kaedah permohonan tapak bagi Bazar Ramadan Kuala Perlis dikekalkan sebagaimana seperti permohonan tahun sebelum ini. Cuma terdapat pindaan perolehan borang permohonan dimana pemohon boleh muat turun borang di laman sesawang dan <i>Facebook</i> MPKangar secara percuma. - Borang permohonan yang lengkap diisi boleh dikembalikan di Kaunter Pejabat Cawangan MPKangar Kuala Perlis bermula 21 Januari 2026 hingga tarikh tutup 3 Febuari 2026. 					

SALINAN INI DISIMPAN OLEH PEMOHON

**BAYARAN PROSES
RM 30.00**

**CARTA ALIR BAGI PERMOHONAN BORANG LOT NIAGA BAZAR RAMADAN DI
KUALA PERLIS 2026.**



**MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
CARTA ALIR PERMOHONAN BORANG
LOT NIAGA BAZAR RAMADAN 2026.
(BAGI TAPAK BAZAR RAMADAN KUALA PERLIS)**



Layari laman sesawang www.mpkangar.gov.my
atau Facebook rasmi MPKangar.



Muat turun borang permohonan dalam pautan
yang disediakan.



Isi borang dan lengkapkan maklumat
permohonan. (Semak dengan teliti)



Pemohon hadir dan bawa bersama dokumen
lengkap ke kaunter Pejabat Cawangan
MPKangar Kuala Perlis untuk bayaran lot niaga.

Terimaan Bayaran Secara Cashless / Electronic Fund Transfer (EFT) dan Kad Debit sahaja



Pastikan dokumen lengkap. Hanya dokumen
yang LENGKAP akan 'DIPROSES'. Dokumen
yang TIDAK LENGKAP, tidak akan diproses dan
permohonan akan DITOLAK.

Lot niaga adalah TERHAD, kaedah agihan lot niaga adalah "First come, first served".



Pemohon hadir ke sesi pengundian lot niaga
sepertimana jadual yang dilampirkan dalam
borang permohonan.



Pemohon menjalani sesi cabut
undi, mendengar taklimat dan
menggambil kad permit



UNIT PENGURUSAN PENJAJA JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN DAN PELESENAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

SALINAN INI DISIMPAN OLEH PEMOHON

**BAYARAN PROSES
RM 30.00**

SYARAT-SYARAT PENIAGA BAZAR RAMADAN 2026 MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

1.0 SYARAT-SYARAT AM

- 1.1 Pemohon hendaklah warganegara Malaysia.
- 1.2 Penglibatan warga asing termasuk yang berstatus pemastautin tetap dalam **AKTIVITI PENJAJA, PENIAGA KECIL DAN PEMBANTU** adalah tidak dibenarkan.
- 1.3 Peniaga hanya dibenarkan menjual jenis jualan yang dipohon dan diluluskan sahaja. Peniaga **TIDAK DIBENARKAN MENJUAL BARANGAN** selain daripada yang telah dibenarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Kangar.
- 1.4 Peniaga **WAJIB** mempamerkan tanda harga pada setiap barangan jualan sepanjang masa aktiviti perniagaan berlangsung.
- 1.5 Peniaga hendaklah **MENYEDIAKAN PLASTIK SAMPAH SENDIRI** untuk melupuskan sisa pepejal sepanjang masa aktiviti perniagaan.
- 1.6 Peniaga **MESTILAH** menggunakan **HANYA KHEMAH** bersaiz **10'x10'**, dan **TIDAK DIBENARKAN** membuat apa-apa penambahan di sisi atau di hadapan tapak / lot kecuali dengan kebenaran dari pihak Majlis.
- 1.7 Lain-lain syarat yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- 1.8 Sebarang **PELANGGARAN SYARAT-SYARAT**, tindakan menamatkan perniagaan serta-merta akan diambil oleh pihak Majlis Perbandaran Kangar.

2.0 KEBERSIHAN TAPAK NIAGA / GERAI

- 2.1 Peniaga wajib menyediakan tong sampah yang sesuai, sempurna dan berkeadaan baik, lengkap dengan plastik sampah dan berpenutup di tapak niaga masing-masing.
- 2.2 Peniaga wajib memastikan kawasan tapak niaga masing-masing sentiasa bersih sepanjang masa berniaga di tapak ini.
- 2.3 Sebarang **sisa buangan dan kotoran seperti sisa makanan dan sampah adalah dilarang dibuang** ke dalam longkang atau ke kawasan persekitaran.
- 2.4 Sisa-sisa buangan hendaklah dikumpul dan dimasukkan ke dalam beg plastik, diikat dan dimasukkan ke dalam tong sampah untuk pelupusan.

3.0 KESIHATAN & KEBERSIHAN (JUALAN MAKANAN & MINUMAN)

- 3.1 Setiap peniaga / pengendali makanan (termasuk pekerja) **WAJIB** menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan sihat oleh doktor, mendapat suntikan Anti Typhoid (Ty2), dan menjalani kursus pengendali makanan di Sekolah Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 3.2 Peniaga / pengendali makanan wajib menjaga kebersihan diri seperti **berkuku pendek, tiada luka semasa mengendali makanan, mencuci tangan selepas ke tandas, tidak merokok menghisap paip, menghisap cerut, menghisap tembakau, makan sireh termasuk menggunakan rokok elektronik** atau apa-apa perbuatan seumpamanya semasa mengendali makanan dan **tidak batuk atau bersin** ke arah makanan.
- 3.3 Peniaga / pengendali makanan wajib memakai pakaian yang bersih, kemas, sopan dan sesuai yang tidak menyumbang kepada pencemaran makanan. Dilarang memakai

baju singlet atau baju tanpa lengan, seluar pendek, selipar atau memakai pakaian yang kurang sopan semasa mengendalikan makanan.

- 3.4 Peniaga / pengendali makanan hendaklah **memakai penutup kepala, memakai apron dan memakai kasut bertutup** semasa mengendalikan makanan.
- 3.5 **DILARANG** memakai perhiasan diri atau aksesori seperti jam, cincin dan gelang semasa mengendalikan makanan.
- 3.6 **DILARANG** menyentuh makanan dengan tangan yang tidak berlapik semasa mengambil makanan. Gunakan sarung tangan plastik, penyepit, sudu atau perkakas yang bersih dan sesuai semasa mengambil makanan.
- 3.7 Semua makanan dan minuman yang dipamerkan untuk dijual hendaklah sentiasa bertutup bagi mengelakkan berlakunya pencemaran terhadap makanan dan minuman tersebut.

4.0 PERALATAN DAN PERKAKAS (JUALAN MAKANAN & MINUMAN)

- 4.1 Pastikan semua peralatan dan perkakas yang digunakan dalam penyediaan dan pengendalian makanan bersih, mudah dicuci, kalis air, sempurna, tidak rosak atau berkarat.
- 4.2 Peralatan dan perkakas hendaklah dicuci di tempat tinggi. Dilarang mencuci peralatan dan perkakas di atas lantai atau sama paras dengan lantai.
- 4.3 Pencucian peralatan dan perkakas hendaklah menggunakan air yang bersih dan mengalir dan bukan daripada air takungan basuhan yang diguna semula.
- 4.4 Penggunaan bekas makanan **berasaskan styrofoam dan polisterin** adalah **tidak dibenarkan**.
- 4.5 Penggunaan **kertas bercetak** untuk membungkus makanan adalah tidak dibenarkan.
- 4.6 Pengusaha, pekerja dan pengendali makanan **DILARANG** menggunakan, mengedar atau membekal penyedut minuman (straw) plastik kepada pelanggan.

5.0 PINDAH MILIK TAPAK NIAGA KEPADA BUKAN PEMOHON

- 5.1 Adalah tidak dibenarkan kepada pemohon menukar tapak gerai kepada orang lain (samada suka sama suka) atau men'JUAL' tapak kepada bukan pemohon tanpa pengetahuan dan kebenaran pihak Majlis.
- 5.2 Tindakan undang-undang akan diambil kepada kedua-dua pihak yang berbuat demikian dan boleh **DIGUGURKAN PENYERTAAN SERTA MERTA**.

6.0 TIADA GANTI RUGI

- 6.1 Adalah dimaklumkan bahawa pihak majlis tidak akan bertanggungjawab atas kemalangan, kecederaan dan kehilangan apa-apa barang, peralatan, perkakas yang ditinggalkan sepanjang bazar dijalankan.

7.0 JUALAN BUNGA API

- 7.1 Adalah dimaklumkan bahawa JUALAN bunga api di dalam kawasan bazar adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk permohonan ini. Pemohonan jualan bunga api mestilah mendapat kebenaran dari pihak Majlis dan mempunyai tempat simpan selamat dan diperakui oleh Bahagian Persenjataan Polis DiRaja Malaysia. (PDRM) – *merujuk kepada "Pindaan Garis Panduan Bagi Mengimport dan Berniaga Bunga Api Untuk Sempena Musim Perayaan" pada 24 Februari 2023 - KPN (PR) 61/7*

SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN TAPAK BAZAR RAMADAN SELIAAN MPKANGAR 2026.

1	PERMOHONAN HANYA KEPADA WARGANEGARA MALAYSIA SAHAJA.
2	SILA BAWA KAD PENGENALAN ASAL DAN SATU (1) SALINAN SEMASA SESI SERAHAN / TERIMAAN BORANG PERMOHONAN. (TIADA WAKIL DIBENARKAN)
3	2 KEPING GAMBAR PEMOHON. (GAMBAR BERUKURAN PASPORT)
4	SATU (1) SALINAN KAD SUNTIKAN PELALIAN Ty2 PEMOHON DAN PEMBANTU YANG SAH. (TIDAK TAMAT TEMPOH SAH LAKU SEHINGGA 21 MAC 2026)
5	SALINAN SALINAN SIJIL KURSUS PENGENDALI MAKANAN PEMOHON & PEMBANTU YANG SAH DAN BELUM LUPUT TEMPOH. (SEKIRANYA PEMOHON & PEMBANTU BARU MENDAFTAR KURSUS, SILA BAWA RESIT BAYARAN KURSUS SEBAGAI BUKTI)

- PERMOHONAN INI HANYA UNTUK JUALAN MAKANAN DAN MINUMAN SAHAJA.
- HANYA PEMOHON SAHAJA DI BENARKAN MEMOHON BORANG PERMOHONAN. WAKIL ADALAH TIDAK DIBENARKAN.
- HANYA BORANG YANG LENGKAP SAHAJA AKAN DIPROSES.

BAYARAN PROSES
RM 30.00